


Pemuda desak DAP, Tony Pua minta maaf

UM-24/5/2007



KHAIRY JAMALUDDIN

KUALA LUMPUR 23 Mei - Pergerakan Pemuda UMNO mendesak Penasihat Ekonomi kepada Setiausaha Agung DAP, Tony Pua dan parti itu meminta maaf berikutan kenyataannya bahawa penjawat awam hanya terdiri daripada orang Melayu yang mengalami masalah pengangguran.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, kenyataan yang disiarkan di *Malaysiakini* semalam bersifat menghina dan angkuh terhadap lebih sejuta kakitangan awam di negara ini.

"Pergerakan Pemuda UMNO mendesak Pua dan DAP mengambil langkah memperbaiki kata-kata mereka yang langsung tidak bertimbang rasa dan begitu menghina sekali.

"Mereka perlu meminta maaf kepada seluruh kakitangan di sektor awam - ribuan cikgu, jururawat, polis, tentera dan kakitangan sokongan yang terus berbakti kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Kenyataan beliau itu bagi mengulas kenyataan Tony Pua yang disiarkan di *Malaysiakini* semalam berhubung dakwaan baha-

wa perkhidmatan awam hanyalah tapak pembuangan bagi penganggur berijazah golongan Melayu - satu golongan yang sensitif daripada segi politik.

Pua berkata, sebagai contoh, pada tahun lalu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah didesak mempercepatkan proses pengambilan graduan untuk mengisi kira-kira 30,000 kekosongan dalam perkhidmatan awam.

"Gesaan itu dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengatasi masalah graduan menganggur, yang sebahagian besarnya bumiputera," katanya dalam satu kenyataan sebagai mengulas kenaikan gaji kakitangan kerajaan mulai Julai ini.

Menurut Khairy, kenyataan Pua itu semanganya tidak berasas dan perlu ditolak sama sekali kerana ramai kakitangan awam sanggup melepaskan tawaran kerja dengan gaji dan manfaat yang lumayan di sektor swasta disebabkan mahu berkhidmat kepada negara.

"Nyata sekali, Tony Pua hanya memperkecilkan kebolehan, jasa serta sumbangan ka-

kitangan kerajaan kepada negara," katanya.

Beliau juga menyifatkan kenyataan Pua boleh melemahkan semangat kakitangan kerajaan yang sebenarnya telah memilih jalan yang mulia untuk berkhidmat kepada kerajaan dan negara.

Beliau menegaskan, kata-kata Pua itu juga telah menjejaskan imej perkhidmatan awam pada masa kerajaan bertungkus-lumus untuk memperkenalkan pelbagai langkah bagi meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan tersebut.

Pergerakan Pemuda UMNO, kata beliau, menyokong sepenuhnya dasar kerajaan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan awam.

"Sesungguhnya masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menjadikan sektor perkhidmatan awam kita lebih cekap dan berkesan.

"Kami amat mengalu-alukan tindakan kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam dan berharap bahawa ia akan dibalas dengan peningkatan produktiviti dan integriti dalam sektor ini," katanya.